

Kadar inflasi turun serendah 2.4 peratus

10 negeri
rekod kenaikan
di bawah paras
nasional
enam bulan
pertama 2023

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kadar inflasi negara pada Jun 2023 menurun kepada 2.4 peratus, menjadikannya kadar terendah dalam enam bulan pertama 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan perlahan inflasi pada bulan itu didorong kenaikan lebih rendah bagi kumpulan restoran dan hotel (5.4 peratus); makanan dan minuman bukan alkohol (4.7 peratus) serta hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (2.3 peratus).

Selain itu, katanya, peningkatan perlahan inflasi pada bulan diuji didorong kenaikan kecil bagi

kumpulan pelbagai barangan dan perkhidmatan (2.6 peratus); kesihatan (2.0 peratus) serta pendidikan (1.9 peratus).

"Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain serta perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan pula masing-masing meningkat 1.8 peratus serta 1.6 peratus.

"Ini diikuti minuman alkohol dan tembakau (0.6 peratus) serta pakaian dan kasut (0.1 peratus)," katanya dalam kenyataan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Jun 2023.

Mohd Uzir berkata, inflasi pengangkutan bagi Jun 2023, kekal tidak berubah berbanding Jun 2022.

Inflasi subkumpulan

Katanya, subkumpulan perkhidmatan pengangkutan dan pembelian kenderaan masing-masing meningkat 5.2 peratus dan 1.9 peratus.

"Namun, penurunan inflasi subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian sebanyak negatif 0.6 peratus, sedikit sebanyak mengimbangi inflasi kumpulan ini daripada meningkat.

"Penurunan subkumpulan pengurusan alat pengangkutan persendirian disumbangkan penurunan kelas perbelanjaan bahan api dan pelincir untuk pengangkutan persendirian kepada negatif 3.8 peratus, berbanding negatif 2.4 peratus pada Mei 2023.

"Selain itu, penurunan harga minyak petrol tanpa plumbum RON97 kepada negatif 29.4 peratus pada Jun 2023 (RM3.37 seliter) berbanding Jun 2022 (RM4.77 seliter) turut menyumbang kepada penurunan kelas perbelanjaan ini," katanya.

Beliau berkata, bagi inflasi pada peringkat negeri pula, 10 negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 2.4 peratus dengan Labuan merekodkan peningkatan paling rendah sebanyak 1.2 peratus pada Jun 2023.

"Bagaimanapun, enam negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional, iaitu Sarawak (3.0 peratus), Pahang (2.9 peratus), Putrajaya (2.8 peratus), Selangor (2.7 peratus), Perak (2.7 peratus) dan Melaka (2.7 peratus).



)," katanya.

Mohd Uzir berkata, inflasi teras yang mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan tidak termasuk item makanan segar yang tidak menentu dari segi

harga serta barang dan perkhidmatan tertakluk dengan kawalan harga daripada kerajaan, turut meningkat perlahan 3.1 peratus berbanding 3.5 peratus pada Mei 2023.